

**KAJIAN PEMBANGUNAN KIT MEDIASI DAN DOKUMEN PENGGREDAN
MEDIATOR PUSAT MEDIASI KOMUNITI**

KETUA PROJEK:

PROF MADYA DR MOHAMAD RIZAL ABDUL RAHMAN

AHLI PROJEK:

YANG ARIF FELO UTAMA SITI NAAISHAH HAMBALI

PROF. DR. NAZURA ABDUL MANAP

DR. ASMA HAKIMAH AB. HALIM

DR. SITI MUYASSARAH BINTI RUSLI

TUAN MOHD KHALIL HJ AHMAD

TUAN ZULKIFLI HASHIM

PUAN ARYANTIE ARIFFIN

FAKULTI UNDANG - UNDANG

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI

2017

**KAJIAN PEMBANGUNAN KIT MEDIASI DAN DOKUMEN PENGGREDAN
MEDIATOR PUSAT MEDIASI KOMUNITI**

ABSTRAK

*Prof Madya Dr Mohamad Rizal Abdul Rahman
Universiti Kebangsaan Malaysia
Tahun 2017*

Masyarakat dalam negara sentiasa berubah mengikut laluan masa dan fenomena global. Oleh itu undang - undang di dalam negara patut mempunyai tahap fleksibel yang tinggi untuk mengikuti perkembangan masyarakat. Boleh dilihat bahawa terdapat banyak kes yang sering dibicarakan di mahkamah dan jumlah kes yang perlu dibicarakan semakin meningkat. Justeru itu, satu alternatif lain untuk menyelesaikan masalah ini perlu dicari. Salah satu alternatif adalah melalui proses mediasi. Proses mediasi bukanlah satu konsep yang baru tetapi telahpun wujud sejak lama lagi di negara lain. Negara kita telah mengamalkan penyelesaian pertikaian melalui proses mediasi sebagai alternatif kepada sistem mahkamah yang sedia ada. Selari dengan hasrat tersebut, satu kerjasama di antara tiga pihak yang terdiri dari kumpulan penyelidik dan pakar Mediasi dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang diketuai oleh Yang Arif Felo Utama Siti Naaishah Hambali, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, dan Perbadanan Putrajaya telah menjalankan penyelidikan tentang keperluan mediasi serta membuat usaha ke arah penyediaan prasarana serta sistem bagi merealisasikan penubuhan sebuah Pusat Mediasi. Setiap Pusat Mediasi memerlukan satu 'Kit Mediasi' bagi memastikan setiap langkah proses mediasi mengikut undang-undang dan Peraturan-Peraturan yang berkaitan khususnya di Malaysia; Akta Perantaraan 2012. Dalam pada itu terdapat penggredan mediasi mengikut kriteria tertentu. Oleh itu Mediator yang menjalankan tugas di Pusat Mediasi Komuniti juga boleh digredkan jika memenuhi kriteria-kriteria tertentu. Oleh itu tujuan kajian untuk membangunkan Kit Mediasi dan penggredan mediator bagi Pusat Mediasi Komuniti Putrajaya adalah tepat pada masanya.